

Hari Keluarga Fizik di PD



Kakitangan Jabatan Fizik, Fakulti Sains berserta ahli keluarga masing-masing berkumpul di Port Dickson, Negeri Sembilan.

PORT DICKSON – Sekali lagi Jabatan Fizik, Fakulti Sains, UPM berjaya mengumpulkan lebih dari pada 50 keluarga terdiri di kalangan pegawai sokongan dan akademik menyertai Hari Keluarga jabatan itu bertempat di COMAS dekat sini.

Hari keluarga yang diadakan pada 6-7 Ogos 2005 baru-baru ini bertemakan “Keluarga Gemilang Prestasi Cemerlang”. Ia dianjurkan serentak dengan Bengkel Astronomi Fizik. Ketua Jabatan Fizik, Prof Madya Dr Zainal Abidin Talib merasmikan program dua hari itu.

Pelbagai program menarik telah disusun bagi mengeratkan tali silaturahim di kalangan warga Ja-

batan Fizik beserta keluarga masing-masing. Majlis telah diserikan dengan segmen Malam Tautan Hati dan juga Malam Bersama Bintang.

Apa yang menarik di awal pagi minggu, program diteruskan dengan Senamrobik Irama Nasyid (SIRNA), sebelum acara Sukaneka Fizik.

Bersempena bulan kemerdekaan, satu majlis ringkas tapi penuh bermakna telah dilancarkan di sana iaitu program mengibarkan Jalur Gemilang secara berkumpulan sempena permulaannya sambutan Di Ambang Kemerdekaan Jabatan Fizik kali ke III.